

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK SERI MOHD REDZUAN BIN  
MD YUSOF  
[ALOR STAR]**

**TARIKH : 25 OKTOBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN:**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan sedang menyemak dan bercadang untuk memberi pendapatan tetap atau menaikkan elaun tetap Imam-imam Qariah Masjid yang berkhidmat sepenuh masa bagi membawa keluar golongan ini daripada Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) sebagai cara melestarikan agenda Wawasan Kemakmuran Bersama 2030

**JAWAPAN**

**YB SENATOR TUAN HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(HAL EHWAL AGAMA)**

**Tuan Yang Di Pertua,**

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengurusan imam-imam masjid kariah adalah di bawah bidang kuasa negeri. Pada masa ini tiada pendapatan (gaji) tetap diberikan oleh negeri kepada imam-imam masjid kariah. Walau bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan melalui JAKIM telah bersetuju menyalurkan peruntukan bagi membayar imbuhan bulanan kepada imam-imam masjid kariah / mukim di seluruh negara bermula pada Januari 2005 dengan kadar imbuhan bulanan pada ketika itu sebanyak RM450.00. Pada tahun 2005, Kerajaan Persekutuan telah membelanjakan sebanyak RM49,817,500.00 untuk bayaran kepada 9,666 orang imam di seluruh negara.
2. Kerajaan juga telah bersetuju untuk menaikkan kadar imbuhan bulanan imam-imam masjid kariah sebanyak tiga kali bermula pada tahun 2005 sehingga kini seperti berikut:
  - i. 2005 : RM450 .00 sebulan
  - ii. 2011: RM750.00 sebulan
  - iii. 2017 : RM850.00 sebulan sehingga kini
3. Bagi tahun 2019 sehingga 2021, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM RM438,600,000.00 ke negeri-negeri bagi pembayaran imbuhan bulanan kepada 14,373 orang imam masjid kariah di seluruh negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN PANG HOK LIONG [ LABIS ]**

**TARIKH : 25 OKTOBER 2021**

**SOALAN**

**Tuan Pang Hok Liong [ Labis ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dengan terperinci projek-projek yang telah dilaksanakan dan peratusannya di bawah setiap Rancangan Malaysia dari Rancangan Malaysia Ke-6 hingga Rancangan Malaysia Ke-11 dan senaraikan projek-projek yang belum atau tidak dapat dilaksanakan dan sebab utamanya.

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan sentiasa memberi perhatian dan prihatin kepada keperluan dan kemakmuran rakyat di seluruh negara. Kerajaan juga sentiasa berusaha untuk memastikan kesejahteraan rakyat terus menjadi keutamaan bagi memelihara dan meningkatkan taraf hidup rakyat.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah peruntukan pembangunan yang telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan bagi enam Rancangan Malaysia, iaitu mulai tahun 1991 hingga 2020 adalah sebanyak RM915.0 bilion. Sepertimana yang telah dinyatakan, perincian peruntukan asal mulai daripada Rancangan Malaysia Keenam sehingga Rancangan Malaysia Kesebelas adalah seperti berikut:

<b>Bil.</b>	<b>RMK</b>	<b>Tahun</b>	<b>Peruntukan (RM Juta)</b>
1	Keenam	1991 - 1995	55,000
2	Ketujuh	1996 - 2000	67,500
3	Kelapan	2000 - 2005	110,000
4	Kesembilan	2006 - 2010	200,000
5	Kesepuluh	2011 - 2015	233,824
6	Kesebelas	2016 - 2020	248,700
<b>JUMLAH</b>			<b>915,024</b>

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tempoh pelaksanaan sesuatu projek yang telah diluluskan tidak dihadkan dalam tempoh satu Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT). Tempoh pelaksanaan projek adalah berkait rapat dengan prestasi kemajuan projek dan kemampuan kontraktor yang dilantik. Sekiranya projek tersebut tidak dapat disiapkan dalam tempoh 5 tahun, pelaksanaannya akan diteruskan dalam RMLT berikutnya sebagai projek sambungan.

4. Kerajaan sentiasa memantau pelaksanaan projek yang diluluskan bagi memastikan ianya sentiasa mengikut jadual dan dapat disiapkan sebagaimana dirancang. Pada masa ini, terdapat pelbagai platform/taskforce diwujudkan di peringkat kementerian/negeri bagi membincangkan isu-isu pelaksanaan dan mencadangkan langkah-langkah penambahbaikan untuk menangani projek sakit/ lewat jadual. Contoh platform yang diwujudkan adalah Majlis Tindakan Pembangunan Kementerian (MTPK) dan Mesyuarat Tindakan Pembangunan Negeri (MTPNg), malah saya bersama-sama Ketua Setiausaha Negara mempengerusikan Jawatankuasa Pemudahcara dan Pemantauan Pelaksanaan Projek.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK IGNATIUS DARELL LEIKING  
[PENAMPANG]**

**TARIKH : 25 OKTOBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATUK IGNATIUS DARELL LEIKING [ PENAMPANG ]** minta **MENTERI KANAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan adakah Kerajaan membuat kajian mengenai prestasi perniagaan pelabur asing untuk 2021. Jika prestasi perniagaan pelabur asing adalah tidak memuaskan, apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan tahap keyakinan pelabur asing.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Malaysia tidak menjalankan kajian mengenai prestasi perniagaan pelabur asing untuk 2021 secara spesifik namun telah menasaskan untuk menarik pelaburan yang terpilih dan berfokus untuk memastikan pelaburan asing yang masuk ke dalam negara adalah pelaburan yang berkualiti dan berimpak tinggi.

Kerajaan sedar akan keperluan dan kepentingan untuk membangunkan sektor-sektor industri yang berteraskan teknologi tinggi dan mempunyai nilai tambah terhadap ekosistem industri di negara ini dan tidak lagi menerima pelaburan yang mempunyai elemen *low end assembly-type operations and labour-intensive projects*.

Antara usaha-usaha lain Kerajaan untuk meningkatkan tahap keyakinan pelabur asing adalah seperti berikut:

- i. Pengenalan insentif bagi menggalakkan FDI di bawah PENJANA melalui pakej pengecualian cukai istimewa untuk menggalakkan syarikat asing memindahkan (*re/locate*) operasinya ke Malaysia atau menjalankan pelaburan baharu dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan dan menjadikan Malaysia sebagai pusat rangkaian bekalan antarabangsa;
- ii. Insentif bagi pengeluar produk farmaseutikal termasuk vaksin di bawah Belanjawan 2021 melalui pakej pengecualian cukai istimewa yang diumumkan oleh Kerajaan pada 6 November 2020 dengan objektif utamanya adalah untuk menarik pelaburan daripada sektor farmaseutikal termasuk syarikat-syarikat pembuatan vaksin;
- iii. Fasilitasi dalam mendapatkan kelulusan dan mempercepatkan pelaksanaan projek seperti berikut;

## NO SOALAN :19

- a. Kelulusan Lesen Pengilangan (*Manufacturing Liscence – ML*) *fast track* melalui platform digital e-ML untuk industri yang tidak sensitif dalam tempoh dua hari bekerja;
- b. Inisiatif Unit Percepatan dan Koordinasi Projek (*Project Acceleration and Coordination Unit – PACU* di MIDA) dilancarkan pada tahun 2020 untuk membantu secara keseluruhan (*end-to-end facilitation*) semua projek yang diluluskan bagi memastikan projek pelaburan dapat dilaksanakan dalam tempoh masa yang ditetapkan;
- c. Memperkenalkan Portal *InvestMalaysia* iaitu platform permohonan dalam talian kendalian MIDA bagi membantu pelabur secara maya; dan
- d. Penubuhan Pusat Sehenti (*One Stop Centre – OSC*) kepada Pelawat Perniagaan di MIDA bagi menilai permohonan yang layak untuk memasuki Malaysia bagi tujuan perdagangan dan pelaburan.

Malaysia telah berjaya untuk menarik pelaburan baharu yang berkualiti bagi tahun 2021 walaupun masih berdepan dengan cabaran akibat pandemik COVID-19. Bagi tempoh Januari 2021 sehingga Jun 2021, jumlah pelaburan yang diluluskan dalam ekonomi merangkumi sektor perkilangan, perkhidmatan dan utama telah meningkat sebanyak 69.8% berjumlah RM107.5 bilion daripada tempoh yang sama tahun lalu (RM63.3 bilion). Sektor perkilangan adalah penyumbang terbesar kepada nilai pelaburan yang diluluskan iaitu sebanyak RM66.9 bilion, diikuti sektor perkhidmatan dengan pelaburan sebanyak RM34.1 bilion dan sektor utama dengan pelaburan berjumlah RM6.5 bilion. Pelaburan yang diluluskan dalam tempoh tersebut membabitkan sebanyak 2,110 projek dan dijangka akan mewujudkan 44,994 peluang pekerjaan baharu.

Daripada jumlah pelaburan yang diluluskan, pelaburan langsung asing (*foreign direct investment – FDI*) menyumbang sebanyak RM62.5 bilion iaitu lonjakan sebanyak 214.9% berbanding dengan tempoh yang sama tahun lalu, dan lonjakan FDI adalah lebih tinggi dalam sektor perkilangan iaitu sebanyak 223.1%.

## NO SOALAN :19

Negara-negara penyumbang terbesar FDI adalah dari Singapura (RM43.5 bilion), Republik Korea (RM6.3 bilion), Belanda (RM5.1 bilion), Kepulauan Virgin British (RM3.0 bilion) dan Jepun (RM0.6 bilion).

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, bagi tahun 2021 sahaja, Malaysia berjaya menarik pelaburan daripada syarikat-syarikat multinasional dalam industri berteknologi tinggi dan berintensif modal termasuk:

- i. syarikat AT&S AG yang berpangkalan di Austria yang komited untuk melabur sebanyak RM8.5 bilion bagi pengeluaran *integrated circuits (IC) substrates*;
- ii. SK Nexilis dari Republik Korea (RM4.2 bilion) pengeluar kerajang tembaga yang turut menghasilkan bateri kenderaan elektrik; dan
- iii. pembuat kereta terkemuka Jerman - Porsche AG (Porsche) telah mengumumkan keputusannya untuk membuka kilang di Kulim, Kedah, menjadikan Malaysia sebagai negara pertama di luar Eropah yang akan memasang kereta Porsche.

Selain itu, syarikat asing sedia ada yang terus mengembangkan operasi di Malaysia untuk tahun 2021, termasuk:

- i. Syarikat Taiyo Yuden dari Jepun iaitu pengeluar kapasitor seramik pelbagai lapisan (multilayer ceramic capacitor) akan menambah pelaburan mereka sebanyak RM680 juta di Sarawak;
- ii. Intel, syarikat pengeluar semikonduktor terbesar dunia dari Amerika Syarikat yang membawa masuk teknologi terkini Advance Assembly and Testing;
- iii. Bosch, syarikat Jerman yang mendirikan facility park untuk menguji komponen dan sensor semikonduktor; dan



- iv. B.Braun, syarikat Jerman yang mengembangkan pusat ujian globalnya untuk alat perubatan kerana kemampuan serta tenaga mahir yang ada di Malaysia.

Peningkatan FDI pada separuh pertama tahun 2021 membuktikan Malaysia kekal menjadi destinasi pelaburan utama. Keputusan strategik oleh syarikat-syarikat ini juga menunjukkan Malaysia kekal sebagai destinasi pelaburan strategik bagi syarikat gergasi antarabangsa.

MIDA melalui MITI, sebagai agensi pelaburan utama negara, akan terus memastikan pelaburan berkualiti dan berimpak tinggi dibawa masuk ke dalam Negara bagi mencapai matlamat Kerajaan untuk mewujudkan pekerjaan berpendapatan tinggi, memperluas rangkaian domestik dan mewujudkan ekosistem pelaburan dan perniagaan yang kondusif dan dinamik.

Sekian, terima kasih.